

English Version

Roundtable Discussion: "Art in Time and the Unknown"

By Nasir Baharuddin

This discussion is grounded in the idea that art is always shaped by a specific historical context, yet its true strength lies in its ability to reach beyond what is known. Time provides the foundation for artistic creation, while uncertainty gives it the freedom to explore new possibilities. Without time, art loses its meaning; without the unknown, it loses its future.

In the Malaysian context, the relationship between art, time, and the unknown is particularly complex. The nation is still in the process of shaping a stable cultural identity amid rapid social, political, and economic transformation. Layers of history—ranging from colonial experience and post-independence nation-building to the globalisation of the art market and the rise of digital technologies—overlap and interact. As a result, contemporary Malaysian art often exists in a state of transition: between tradition and modernity, between the local and the global, and between heritage and experimentation.

The primary challenge in Malaysia is not a lack of talent or artistic production, but rather a lack of sustained courage to venture into the unknown. Many works remain within safe stylistic boundaries, market-friendly themes, or familiar narratives. This tendency reflects a broader inclination to operate within comfort zones. Consequently, while artistic output may appear vibrant in terms of quantity, it remains uneven when it comes to conceptual innovation.

In this situation, time moves forward, yet exploration of the unknown remains insufficiently bold to produce meaningful shifts in artistic thinking. The future of art in Malaysia therefore depends on the willingness of artists, institutions, and the wider art ecosystem to recognise that the true value of art lies in the courage to create new forms of expression that do not yet exist.

"Art in Time and the Unknown" thus emerges as a vital principle: relevant art is not merely about keeping pace with the present, but about having the courage to move ahead of it.

Malay Version

**Perbincangan Terbuka Meja Bulat 'Art in Time and the Unknown'
Oleh Nasir Baharuddin**

Topik perbincangan ini merujuk kepada hakikat bahawa seni sentiasa lahir daripada konteks sejarah tertentu, tetapi kekuatannya terletak pada keupayaannya untuk menjangkau wilayah yang belum diketahui. Masa memberi asas kepada seni, manakala ketidakpastian memberi sayap utk terbang mencari destinasi. Tanpa masa, seni kehilangan makna; tanpa yang tidak diketahui, seni kehilangan masa depan.

Dalam konteks Malaysia, hubungan antara seni, masa dan yang tidak diketahui menjadi lebih kompleks kerana negara ini masih berada dalam proses membina identiti budaya yang stabil di tengah-tengah perubahan sosial, politik dan ekonomi yang pesat. Sejarah kolonial, pembentukan negara bangsa, globalisasi pasaran seni dan perkembangan teknologi digital telah mewujudkan pelbagai lapisan masa yang bertindih. Akibatnya, seni di Malaysia sering berada dalam keadaan peralihan—antara tradisi dan modeniti, antara lokal dan global, antara warisan dan eksperimen.

Namun cabaran utama dalam situasi Malaysia bukan kekurangan bakat atau penghasilan karya, tetapi kekurangan keberanian untuk memasuki wilayah yang tidak diketahui secara konsisten. Banyak karya masih terikat kepada gaya yang selamat, tema yang mudah diterima pasaran, atau naratif yang berulang. Perkara ini berlaku atas faktor kita sentiasa berada dlm ruang selesa. Ini menyebabkan perkembangan seni kadangkala kelihatan aktif dari segi kuantiti, tetapi sporadik dari segi lonjakan idea.

Dalam keadaan ini, masa terus bergerak, tetapi penerokaan terhadap yang tidak diketahui tidak berlaku dengan cukup radikal untuk menghasilkan anjakan paradigma. Oleh itu, masa depan seni di Malaysia bergantung pada keupayaan seniman, institusi dan ekosistem seni untuk memahami bahawa nilai seni terletak pada keberanian untuk mencipta bahasa baru yang belum wujud. Di sinilah Art in Time and the Unknown menjadi prinsip penting bahawa seni yang relevan bukan sekadar mengikuti masa, tetapi berani mendahului masa.